

19 SEP 1996

Chua-ubat

MAJUKAN INDUSTRI UBAT TRADISIONAL YANG DISATUKAN, KATA CHUA

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Malaysia perlu memajukan industri perubatan tradisional yang disatukan supaya hasilnya dapat digunakan selaras dengan perubatan moden atau dieksport ke luar negara, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata hari ini.

Katanya industri farmasi tempatan digalakkan mengambil peluang daripada berbagai tanaman dan herba dalam negara ini dan membantu mengurangkan ubat-ubat tradisional atau "oriental" yang diimport setiap tahun dari negara-negara seperti China, India dan Indonesia.

"Tanaman dan herba ini sentiasa ada....kita hanya perlu mengutip, menjalankan penyelidikan, mengeluarkan dan menjual produknya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kumpulan Berkepentingan MIGHT (MIG) mengenai Farmasi di sini.

MIGHT, atau Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia, telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1993 dengan matlamatnya antara lain, mencari dan mengenal pasti peluang-peluang pelaburan bagi industri.

Chua berkata jumlah urusan jualan tahunan perubatan tradisional dalam negara ini ialah kira-kira RM2,000 juta dengan produk untuk kesihatan secarta umum, herba dan tonik.

Chua berkata tanaman yang mempunyai hasiat perubatan boleh ditanam dalam herbarium seperti yang dilakukan di negara China dan Korea Selatan, untuk menjamin bekalan bahan mentah bagi mengeluarkan ubat tradisional.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Chua berkata usaha-usaha untuk menarik syarikat-syarikat farmasi antarabangsa ke negara ini perlu diambil untuk menggalakkan pertumbuhan industri farmasi.

Katanuya selain dari menubuhkan pusat atau institut farmasi, industri tempatan perlu mengadakan penyelidikan dan pembangunan dengan syarikat asing dan para akademik tempatan.

Beliau juga berkata Pihak Berkuasa Pengawalan Dadah (DCA) telah mengeluarkan lesen kepada 62 pengeluar (termasuk empat pengeluar ubat tradisional), 142 pengimport dan 496 pemborong produk farmasi yang didaftarkan.

Jumlah bilangan produk farmasi yang didaftarkan dengan DCA ialah 12,283 dan dari ini 6,864 ialah produk priskripsi, 4,151 bukan priskripsi 1,073 ubat tradisional dan 195 pewarna rambut.

Chua berkata nilai pasaran farmasi tempatan tahun lepas, tidak termasuk jualan ubat tradisional, berjumlah RM900 juta. -- BERNAMA

MAM WAT